

12/03/2001

Ketepikan agenda politik demi kuasa, maruah bangsa

Jamhariah Jaafar

DARIPADA 22 juta rakyat Malaysia, kira-kira 12 juta atau 58 peratus adalah bangsa Melayu dan Bumiputera. Bakinya kira-kira 42 peratus di kalangan masyarakat bukan Melayu selama ini sentiasa menghormati kekuatan dan keutuhan kuasa Melayu.

Bagaimanapun, perasaan hormat itu kini semakin terhakis dan puncanya perlu dikembalikan kepada bangsa Melayu itu sendiri. Corak pemikiran Melayu masa kini yang terlalu taksud dengan politik agama serta agenda peribadi, menyaksikan majoriti bangsa Melayu kini tidak lagi menghiraukan rasional keutuhan bangsa dan negara.

Maka, status quo perasaan hormat yang diberi kaum lain terhadap bangsa Melayu selama ini semakin luntur serta bertukar tanggapan dan pemakaiannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, dalam bukunya Zaman Beredar Pesaka Bergilir - Melayu Di Zaman Peralihan mengingatkan kita kepada formula yang termaktub dalam Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut sesiapa saja boleh menerajui kerajaan atau dilantik menjadi Perdana Menteri asalkan didapati mewakili suara ramai di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, kedudukan Melayu sebagai pemegang kuasa tertinggi negara mungkin diselamatkan oleh Perkara 3 (5) mengenai Agama Bagi Persekutuan, yang memperuntukkan Perdana Menteri mestilah seorang yang beragama Islam (tetapi tidak semestinya Melayu) kerana beliau bertanggungjawab untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong yang menjadi Ketua Agama Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Labuan.

Dr Rais menulis: "Pemikiran orang Melayu mesti sampai kepada realiti ini. Imbangan kepentingan politik kaum di negara ini diakui tipis dan formulanya memang boleh bertukar dengan mudah jika orang Melayu mengabaikan keutuhan bangsanya. Keadaan berpecah sesuatu bangsa itu tidak akan dapat meraih pengaruh perjuangan yang dikehendaki."

Menyedari hakikat ini serta padah yang mungkin tidak tertibus sekiranya masalah perpaduan Melayu ini tidak ditangani segera, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lagi kisah akan pelbagai fitnah, tohmahan serta gelaran 'kurang ajar' yang dilemparkan kepadanya dan Umno keseluruhannya, dengan terus meminta parti-parti Melayu, terutama Pas untuk duduk semeja bagi meleraikan kemelut yang semakin genting ini.

Ketika didesak wartawan supaya membidas saja tindakan angkuh Pas dengan menolak semua prasyarat yang dikenakan, Dr Mahathir dengan lembut berkata, Pas memang berhak untuk menggariskan sebarang syarat.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berharap Pas dapat membuat pertimbangan wajar kerana yang menghadapi ancaman sekarang ialah bangsa Melayu.

"Saya tidak minta dia tarik balik (prasyarat) sebelum berjumpa. Dia letak syarat itu tidak apa ... tetapi saya hendak jumpa, yang penting jumpa. Kalau saya boleh jumpa, sekurang-kurangnya saya boleh beri penjelasan. Ada perkara-perkara yang membabitkan undang-undang yang saya tidak boleh putuskan.

"Ini disebabkan kita anggap cabaran kepada kedudukan orang Melayu ini bukan saja berbahaya kepada orang Melayu, tetapi juga berbahaya kepada negara kita yang berbilang kaum ini.

"Kalau ada cabaran ini, mungkin ada reaksi yang membawa kepada perkara-perkara yang tidak diinginkan. Kalau boleh bertemu ... macam mana pun tidak apa," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Putrajaya, Khamis lalu.

Justeru, sekiranya Dr Mahathir - yang diberi pelbagai gelaran oleh pembangkang - boleh mengambil pendekatan begitu rendah hati dalam menghadapi kemelut yang dihadapi Melayu ini, tidak ada sebab untuk Pas, parti yang sepatutnya berpegang kuat kepada amalan Islam, tidak boleh turut berlembut demi kedaulatan agama dan bangsa keseluruhannya.

"Saya hendak supaya rakyat tidak sangka Umno ini ada niat-niat yang lain. Kita tidak ada niat lain. Cuma itu saja, iaitu kepentingan Melayu yang terancam kerana ada pihak yang menyoal perkara ini.

"Jika ada orang yang menyoal dan kadang-kadang ada yang mencabar kerajaan dan membuat ugutan seperti sesuatu akan berlaku, rakyat perlu tahu mengapa kerajaan mempunyai pendirian yang sedemikian," kata Dr Mahathir.

Pelbagai reaksi muncul terhadap penjelasan Perdana Menteri terhadap isu rundungan Umno dan Pas ini, termasuk seorang pemimpin pembangkang yang menyifatkannya sebagai satu lagi sandiwara Dr Mahathir dan Umno.

Namun, Pas dan mungkin juga Keadilan - sekiranya parti itu menyedari kesilapan awalnya dengan tidak mengaku sebagai sebuah parti mewakili bangsa Melayu - tidak membuat sebarang rumusan atau pandangan skeptikal terhadap usaha Umno ini.

Semua orang Melayu, terutama golongan pembangkang yang sering mengaitkan setiap usaha kerajaan dengan pelbagai teori konspirasi atau kronism, perlu duduk dan bertafakur sejenak mengenai apa yang dikatakan masalah Melayu itu.

Penjelasan Dr Mahathir sebenarnya memang amat berasas. Sejak akhir kurun lalu sehingga memasuki alaf baru ini, bangsa Melayu tidak lagi bersatu hati dalam menghadapi ancaman membabitkan hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, malah kedudukan Raja-Raja Melayu turut menyaksikan percanggahan pendapat sesama sendiri.

Paling dikesalkan, percanggahan pendapat ini berlaku semata-mata kerana perbezaan politik. Walaupun, majoriti ahli Umno dan Pas adalah Melayu, apabila muncul isu-isu seumpamanya, orang Melayu dari kedua-dua parti politik ini mengeluarkan pendapat dan pandangan yang berbeza ... seolah-olah mereka adalah dua musuh yang perlu memusnahkan antara satu sama lain dengan apa cara sekali pun.

Ternyata tindakan dan kelakuan bangsa Melayu itu mendapat perhatian begitu serius bangsa lain, termasuk anasir asing. Mereka tanpa segan silu lagi mengkritik, malah ada yang semakin lantang mengancam dan mengugut, supaya semua bangsa lain di negara ini diberi hak dan layanan yang sama dengan penduduk pribumi.

Dengan bersenjatakan perkataan perjuangan untuk hak asasi manusia dan layanan sama rata tanpa mengira kaum, golongan ini terus menghentam kerajaan Barisan Nasional (BN) yang sejak 43 tahun lalu berjaya mengekalkan semangat setia kawan yang kukuh di kalangan rakyat pelbagai bangsa.

Ironinya, ada juga bangsa Melayu mengamalkan sikap yang sama, sanggup 'membunuh' bangsa sendiri dan melabel mereka dengan mentaliti Melayu, mentaliti subsidi dan tidak bermaya.

Jika kita melihat kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan bahawa Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri atau Kabinet berkuasa menyelamatkan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera di seluruh negara, peruntukan ini secara khusus menghalalkan semua perkara yang diistimewakan untuk bangsa Melayu sejak merdeka. Namun, perihal ini jarang dilaungkan.

Tetapi menurut Dr Rais, Perkara 153 juga mencerminkan sedikit nilai sejarah dari sudut penjajahan dalam pengertian bahawa pegawai kolonial Inggeris menganggap Melayu sebagai warga asal Semenanjung Tanah Melayu.

"Orang Melayu yang mereka kenal dari dekat mempunyai sifat-sifat budi bahasa, lemah lembut serta mudah bertolak ansur. Inggeris mungkin atas kesedaran bahawa Semenanjung merupakan satu-satu negeri Melayu yang kuasa pemerintahannya waktu itu tidak diduga dipegang oleh orang Melayu sendiri, berpendapat bahawa Melayu memerlukan perlindungan pemerintah dalam banyak hal. Jika tidak, kepentingan dan hak-hak asasi mereka mungkin hapus."

Dr Rais merumuskan, Perkara 153 memang boleh dianggap sebagai piagam tertinggi yang sekiranya diterjemahkan, boleh merealisasikan kata-kata keramat bangsa - Melayu takkan hilang di dunia.

Bagaimanapun, dalam kita menganggap Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan itu memberi `tabik hormat' kepada bangsa Melayu, namun Dr Rais mengingatkan bahawa ia tidak semestinya bersifat kekal kerana semua itu tertakluk kepada kuasa pindaan yang boleh dikenakan oleh Parlimen jika komposisi parti yang memerintah negara berubah kepada komposisi yang berkehendakkan perubahan.

Justeru, dalam situasi menghadapi kemelut bangsa Melayu sekarang, semua parti politik perlu dan wajib mengetepikan dulu agenda politik masing-masing. Kuasa dan maruah bangsa menjadi pertaruhan sekarang.

Dalam situasi sekarang, bola berada di gelanggang Pas sesudah Umno melakukan segala yang terdaya bagi memastikan bangsa Melayu tidak terus bertelagah sesama sendiri.

Pas perlu membuat pertimbangan waras dan wajar demi seluruh bangsa Melayu. Bangsa Melayu kini menghadapi dilema kebimbangan yang tidak berasas sama sekali. Sebarang sikap `degil' dan ingin terus menunjukkan `kekuatan', hanya akan memuncakkan perasaan bimbang ini.

(END)